

## GLOSARI ISTILAH

**“Kemasukan Secara Lantikan Terus Ke Gred Kenaikan Pangkat (*Lateral Entry*)”** bermaksud pelantikan terus ke mana-mana gred kenaikan pangkat dalam sesuatu skim perkhidmatan.

**“Klasifikasi Perkhidmatan”** bermaksud pengkelasan perkhidmatan berdasarkan persamaan peranan, bidang, fungsi dan pengkhususan.

**“Kumpulan Perkhidmatan”** bermaksud peringkat perkhidmatan mengikut keutamaan peranan iaitu Kumpulan Premier, Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana.

**“Matagaji”** bermaksud amaun gaji tertentu yang terletak di sesuatu Jadual Gaji.

**“Peningkatan Gred Gaji”** bermaksud peningkatan suatu gred gaji ke suatu gred gaji yang lebih tinggi dalam skim perkhidmatan yang sama dengan kelulusan Lembaga Kenaikan Pangkat.

**“Peningkatan Secara Lantikan (PSL)”** bermaksud pelantikan pegawai daripada kumpulan perkhidmatan yang rendah kepada kumpulan perkhidmatan yang lebih tinggi secara pelantikan baharu tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan yang berkaitan. Terma PSL ini menggantikan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL).

**“Pergerakan Gaji Biasa”** bermaksud pergerakan gaji daripada matagaji semasa ke matagaji berikutnya.

**“Skim Perkhidmatan”** bermaksud terma dan syarat-syarat pelantikan, pengesahan dan kenaikan pangkat bagi sesuatu jawatan dalam Perkhidmatan Awam.

**“Skim Perkhidmatan Bersepadu”** bermaksud Skim perkhidmatan yang menggabungkan sekurang-kurangnya dua peringkat kelayakan masuk minimum.